



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 13 TAHUN 2011

Kepada:

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Selangor Darul Ehsan.

PERUNTUKAN KERETA
RASMI JABATAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan peruntukan dan penggunaan Kereta Rasmi Jabatan selaras dengan arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 27/2011 yang bersidang pada 10 Ogos 2011 telah bersetuju dan memutuskan Ketua Jabatan Gred Jusa di peruntukan kenderaan Honda Accord 2.0 manakala Ketua Jabatan Gred 54/52 diperuntukan Proton Inspira 2.0 Premium sebagai Kenderaan Rasmi Jabatan.

2.2 Maka, Kereta Rasmi yang dibekalkan mengikut kelayakan pegawai adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS KERETA	PEGAWAI YANG LAYAK
1.	Honda Accord 2.0	Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred Utama/ Khas C dan ke atas
2.	Proton Inspira 2.0 Premium	Pegawai Daerah/ Yang Dipertua Majlis/ Ketua-ketua Jabatan Negeri Selangor Gred 54/52

3.0 KEGUNAAN KERETA

3.1 Ketua Jabatan yang dibekalkan dengan Kereta Rasmi adalah dibenar sepanjang masa menggunakannya untuk urusan rasmi dan persendirian. Ia boleh menyimpan kereta itu di

rumah. Ini bererti kereta itu terletak di bawah kawalannya sepanjang hari dan dengan itu dikehendaki bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan kegunaan kereta itu secara selamat. Ia hendaklah juga memastikan kereta itu sentiasa diselenggara dengan betul dan apabila tiba masanya, ia dikehendaki memberitahu pejabatnya untuk kereta itu di servis atau seumpamanya.

- 3.2 Kerajaan Negeri berhak untuk menuntut perbelanjaan atau kerugian ke atas kereta itu sekiranya didapati dan diperakui sesuatu kerugian itu adalah disebabkan kecuai pegawai atau pemandu samada kereta itu digunakan secara rasmi atau urusan persendirian.
- 3.3 Pegawai berkenaan hendaklah juga memastikan penggunaan pengurusan dan penyenggaraan Kereta Rasmi itu direkodkan mengikut peraturan-peraturan semasa.
- 3.4 Bagi isteri pegawai yang dilantik secara automatik sebagai Pengerusi atau Jawatankuasa-jawatankuasa ad-hoc, isteri mereka layak menggunakan kereta tersebut dalam menjalankan urusan rasmi dengan syarat kereta tersebut tidak digunakan oleh Pegawai pada masa yang berkenaan.

4.0 KAD ELEKTRONIK

- 4.1 Melalui Surat Arahan Perbendaharaan KK/BP/DS(S) 10/704/1 JD. 2 (sk. 4/2010)(3) bertarikh 13 Januari 2011 telah menetapkan pembekalan Kad Elektronik Tol Touch N

Go (TnG) dan Smart Tag untuk Pengurusan Tertinggi Gred Utama /Khas C dan ke atas atau yang setaraf di Kementerian. Sehubungan dengan itu dipanjangkan penggunaan ini kepada semua Ketua Jabatan yang dibekalkan Kereta Rasmi Jabatan dengan syarat seperti berikut:-

- i. pembekalan kad TnG dan Smart Tag adalah sebagai satu kemudahan kepada Ketua Jabatan;
- ii. nilai maksimum kad pada setiap bulan adalah RM 500;
- iii. kad TnG berkenaan hanya akan ditambah nilai sebulan sekali setiap 1 hb hingga 5 hb, berdasarkan baki kad pada bulan tersebut. Kadar tambahan adalah bergantung kepada baki kad dimana nilai kad seharusnya tidak melebihi had maksimum RM 500;
- iv. kad TnG dan Smart Tag direkodkan sebagai inventori Kerajaan;
- v. pegawai perlu dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan dan kerosakan kad TnG dan Smart Tag berkenaan;
- vi. kehilangan kad hendaklah dilaporkan sebagai kehilangan wang awam mengikut peruntukan AP 315(a);
- vii. kad TnG ini hanya digunakan untuk pembayaran tol sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.
- viii. kad TnG yang dibekalkan hanya digunakan untuk tujuan rasmi sahaja.
- ix. kemudahan ini tidak dipanjangkan kepada pegawai '*contract for service*'.

5.0 KAD INDEN MINYAK

Kerajaan akan menanggung kos pembelian minyak petrol dan Ketua Jabatan yang dibekalkan kereta rasmi layak untuk mendapat Kad Inden. Kad Inden ini dipegang sendiri oleh pegawai tersebut. Penggunaan Kad Inden Minyak ini hanya untuk kegunaan rasmi sahaja dan Ketua Jabatan tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan perkiraan kilometer termasuklah perjalanan dari rumah ke pejabat dan balik.

6.0 PEMANDU KERETA RASMI

Boleh menggunakan pemandu pejabat, pemandu upahan sendiri seperti yang ditetapkan di peranggan 4.5 (Elaun bantuan Gaji Drebar) Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2003 dan surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 2010 atau memandu sendiri.

7.0 PENYELENGGARAAN BUKU LOG

Ketua jabatan yang dibekalkan Kereta Rasmi Jabatan perlu menyelenggara buku log mengikut amalan sedia ada pada masa ini.

8.0 SAMAN /KOMPAUN

8.1 Pengguna hendaklah menyelesaikan semua saman/kompaun atas semua jenis kesalahan yang dikenakan oleh pihak berkuasa ke atas Kereta Rasmi Jabatan tersebut

dan Kerajaan Negeri tidak bertanggungjawab menyelesaikan saman / kompaun berkenaan.

- 8.2 Sekiranya kesalahan itu diarah supaya dilakukan oleh pengguna semasa menggunakan pemandu, maka pengguna tersebut perlu dipertanggungjawabkan dengan syarat arahan itu dicatat oleh pemandu di dalam buku log dan disahkan oleh pengguna.

9.0 PEMBELIAN KERETA RASMI SEMASA BERSARA

- 9.1 Permohonan pembelian hendaklah dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri Selangor dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh persaraan. Pembelian Kereta Rasmi hanya akan dipertimbangkan apabila mereka bersara sahaja dari jawatan dan tidak dibolehkan kerana bertukar jawatan.
- 9.2 Permohonan pembelian Kereta Rasmi Jabatan hanya diluluskan oleh Y.A.B. Menteri Besar.
- 9.3 Pengecualian cukai Kerajaan hendaklah dipohon sendiri daripada Kementerian Kewangan.
- 9.4 Harga penjualan akan ditetapkan melalui tafsiran yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya.
- 9.5 Kemudahan ini diberikan sekali sahaja di dalam perkhidmatan samada di peringkat Persekutuan ataupun Negeri.

9.6 Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh kelulusan dan cek bayaran hendaklah dihantar terus kepada Bendahari Negeri. Kereta akan diserahkan kepada pembeli setelah pengesahan pembayaran diterima daripada Bendahari.

9.7 Segala urusan tukar milik hendaklah diuruskan oleh Jabatan.

10.0 KUATKUASA

10.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh : 14 Dis 2011